

Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam

Sabah State Policy in Dealing with the Development of Deviant Teachings in Islam

Asmady Idris^{a*}, Shahril Yusof^b, Suraya Sintang^c, Issraaq Ramli^d

^a*International Relations Programme, Faculty of Humanities, Arts & Heritage, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

^b*Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

^c*Centre for the Promotion of Knowledge and Language, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

^d*Islamic Studies Programme, Faculty of Humanities, Arts & Heritage, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

*Corresponding Author: asmadyi@ums.edu.my

Article history

Received: 2019-04-30 Received in revised form: 2019-10-21 Accepted: 2019-11-01 Published online: 2020-02-29

Abstract

The State of Sabah, through the State Religious Council, has legally ratified the *fatwa* (religious edict) upon 22 religious teachings which being classified as deviant and misrepresentative of Islam. The deviant teachings are considered to be incongruent with the central belief of Ahlus Sunnah wal-Jamaah as the fundamental basis of Islamic faith in Malaysia. Their religious dogmas are not only destabilising the solidarity of Muslim society, but also the security and the political stability of this country. In conjunction with this, the State Religious Fatwa Council, has taken firm action by gazetting the fatwa on all the 22 teaching groups as deviant and contradicting with the true principle of Islam. In order to analyse further the Sabah State policy in dealing with the development of deviant teachings, this study will divide the main focus of discussion into three focal issues. The first issue will discuss the conceptual deviant teachings phenomenon in a religious-faith community. The second issue will examine the scenario and the character of deviant teachings in Malaysia, particularly in Sabah. The third issue is to analyse State government policies based on the State Fatwa Enactment to curb the spread of deviant teachings among local Muslim community in Sabah. This is a qualitative study employs literature reviews and interviews with relevant respondents. The study findings have notified that Sabah has already a solid system which enable it to evaluate and classify one particular religious teaching whether it contradicts or not in accordance with Al-Quran, As-Sunnah and Ahlus Sunnah wal Jamaah doctrines. In curing and controlling the deviant teachings syndrome, the State Government has used different mechanisms including constant monitoring, conveying da'wah, and also setting up a rehabilitation centre in Sabah. The employment of this thorough approach is vital to ensure the spread of deviant teachings in Sabah is well taken care of.

Keywords: Government Policy, State of Sabah, Deviant Teachings, *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*, Muslim Solidarity

Abstrak

Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan fatwa berkenaan dengan 22 ajaran berunsurkan agama kerana dianggap sebagai sesat dan terkeluar daripada ajaran agama Islam. Kesemua ajaran ini dikenalpasti bertentangan dengan fahaman *Ahlus Sunnah wal-Jamaah* yang merupakan tunjang akidah masyarakat Islam di Malaysia. Fahaman dan aktiviti keagamaan yang diamalkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut bukan sahaja berupaya merencangkan ikatan persaudaraan umat Islam, malah juga mampu menjaskan keselamatan dan kestabilan politik negara. Dengan demikian, bagi mengelakkan daripada berkembangnya sebarang pengaruh berunsurkan negatif, maka Majlis Fatwa Negeri Sabah telah melaksanakan langkah tegas dengan mewartakan kesemua 22 ajaran tersebut sebagai ajaran sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Untuk menganalisis dengan lebih lanjut lagi tentang dasar Kerajaan Negeri Sabah dalam menangani perkembangan ajaran sesat, kajian ini akan membahagikan fokus perbincangan kepada tiga isu utama. Isu pertama akan terlebih dahulu menghuraikan rangka konseptual fenomena

perkembangan ajaran sesat dalam sesebuah komuniti yang mengamalkan hidup beragama. Isu kedua berkaitan dengan kemunculan awal fahaman ajaran sesat di Malaysia dan juga Sabah khasnya. Manakala, isu yang ketiga ialah memfokus kepada analisis dasar Kerajaan Negeri berdasarkan Enakmen Fatwa Negeri Sabah dalam menangani fenomena berkembangnya ajaran sesat dalam kalangan masyarakat Islam di Sabah. Metodologi kajian ini adalah bersifat kualitatif menggunakan kaedah sorotan literatur dan temubual dengan beberapa responden yang berkaitan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah sudah mempunyai asas yang kukuh dalam menilai dan mengklasifikasi sesuatu ajaran atau amalan sama ada sesat ataupun tidak iaitu dengan berpandukan kepada ajaran Al-Quran, As-Sunnah dan pegangan Ahlus Sunnah wal-Jamaah. Bagi merawat dan membendung gejala ajaran sesat ini, Kerajaan Negeri menggunakan mekanisme yang pelbagai termasuklah pengawasan berterusan daripada pihak berkuasa, pendekatan da'wah dan juga mewujudkan pusat pemulihan akidah di Sabah. Pendekatan secara menyeluruh ini penting bagi memastikan perkembangan ajaran sesat di Sabah dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

Keywords: Dasar Kerajaan, Negeri Sabah, Ajaran Sesat, *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*, perpaduan Islam

1.0 PENGENALAN

Kajian ini memberikan fokus kepada fenomena perkembangan ajaran sesat yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia khasnya di Sabah. Pada hakikatnya, kemunculan ajaran sesat dalam wacana akidah umat Islam telah mula berlaku sejak dari zaman Nabi Muhammad s.a.w, Khulafa ur-Rasyidin, dinasti empayar Islam terdahulu hingga ke detik ini. Senario berkembangnya ajaran-ajaran yang sesat dan bertentangan dengan fahaman Islam yang syumul boleh dikaitkan dengan sikap perilaku dan peristiwa yang tercetus dalam umat Islam itu sendiri. Sikap perilaku dan peristiwa yang dimaksudkan ialah seperti perbalahan ideologi politik, perbezaan dalam memahami persoalan akidah dan perundungan fiqh serta karektor segolongan umat Islam yang tidak mempunyai asas pendidikan Islam terutamanya yang bersangkut dengan amalan *fardhu 'ain* dan *kifayah*. Disebabkan oleh kejailan asas agama ini telah memencarkan mereka dari arus perdana umat Islam dan mudah terpengaruh dengan fahaman dan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Berkesinambungan daripada isu yang telah dibincangkan, kajian ini akan menumpukan perhatian kepada dasar Kerajaan Negeri Sabah dalam mengawal fenomena perkembangan ajaran sesat agar tidak merebak dan seterusnya tidak merencatkan tahap perpaduan dan ikatan *ukhuwah* masyarakat Islam di Negeri di Bawah Bayu ini.

Bagi menghuraikan fokus perbincangan di atas, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada tiga isu utama. Isu pertama ialah berkenaan dengan asas pemahaman tentang konsep ajaran sesat dan corak perkembangannya dalam suasana masyarakat yang mengamalkan kehidupan beragama. Isu kedua berkaitan dengan kemunculan awal fahaman ajaran sesat di Malaysia dan juga Sabah khasnya. Manakala isu yang ketiga ialah memfokus kepada analisis dasar Kerajaan Negeri berdasarkan kepada Enakmen Fatwa Negeri Sabah dalam menangani fenomena berkembangnya ajaran sesat dalam kalangan masyarakat Islam di Sabah. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis sorotan literatur dan juga temubual dengan beberapa responden yang berkaitan dalam ruang lingkup persoalan yang dibincangkan.

2.0 DEFINISI DAN PERKEMBANGAN ‘AJARAN SESAT’ DALAM KONTEKS MASYARAKAT BERAGAMA

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa setiap ajaran, fahaman maupun amalan yang didapati bercanggah dengan intipati sesebuah ajaran agama yang asal termasuklah agama Islam, maka secara tidak langsung, ajaran, fahaman dan amalan tersebut akan dinyatakan sebagai ‘ajaran sesat’. Dari sudut pandangan Islam, kitab suci Al-Qur'anul Karim ada menyebutkan beberapa istilah yang membawa kepada konotasi sesat dan suatu situasi yang berada di dalam kesesatan contohnya *dalla*, *yadillu*, *dalalan* dan *dalalatan* (Jusidin & Mohd. Kusrin, 2018). Bagi dunia barat pula, mereka memiliki istilah-istilah tertentu yang boleh mengaitkan sesebuah ajaran atau amalan sebagai sesuatu yang sesat dan terkeluar dari ajaran agama mereka yang sebenar seperti *heresy*, *cults*, *black magic*, *occult*, *myties* dan *sects*. Ajaran dan fahaman yang sesat ini pula bukan sahaja boleh mewujudkan gejala yang tidak sihat bahkan mampu mencetuskan konflik berdarah antara pengikut-pengikut sesuatu kumpulan dan pihak kerajaan. Antara konflik berdarah yang pernah tercetus di dunia barat adalah seperti isu tragedi *Manson Family* (1969), *Symbionese Liberation Army* (1973-1975), *Jim Jones' Peoples Temple* (1978), *David Koresh Group* (1993), *Solar Temple* (1994-1997) dan lain-lain lagi (Barker, 2014; Mohd Amin, 2009).

Namun, andai melihat dari korpus ilmu yang tidak berteraskan kepada bidang dan falsafah agama khasnya bidang sains sosial dari dunia barat yang mempunyai falsafah dan metod berbeza kerana lebih berteraskan kepada hasil penyelidikan berunsurkan saintifik dan sekular sifatnya, maka istilah ajaran sesat (*deviant* atau *heresy*) ini tidak akan mendapat tempat dalam medan perbincangan.

Senario ini rata-ratanya disebabkan oleh kecenderungan ahli ilmu sains sosial yang ingin meraikan kepelbagaian ajaran, fahaman dan amalan beragama dan pada masa yang sama juga untuk memberikan peluang kepada semua tanpa ada unsur dan tindakan berat sebelah (*biased*) antara satu dengan yang lain. Pendekatan bidang ilmu saintifik ini lebih selesa dengan sejumlah istilah ataupun konsep yang lebih luas skop dan karektornya seperti *New Religious Movements* (NRMs), *minority religion*, *alternative religion* dan pelbagai lagi. Terdapat beberapa kumpulan agama dari sudut perspektif dunia barat yang memenuhi ciri-ciri konsep dan istilah tersebut contohnya *Unification of Church (the Moonies)*, *Children of God*, *International Society for Krishna Consciousness* (ISKCON), *Kumpulan Rajneesh*, *Church of Scientology*, *Ikhwanul Muslimin*, Kumpulan Deobandi, *Jama'ati Islam* di Pakistan dan lain-lain lagi. Dengan demikian, untuk meraikan kepelbagaian elemen dan ciri-ciri dalam ajaran, fahaman dan amalan beragama, maka terma ‘New Religious Movements’ (Pergerakan Agama Baru) dianggap lebih sesuai untuk dijadikan sebagai rangka konseptual saintifik dengan tumpuan lebih khusus kepada elemen persamaan dan perbezaan dalam ajaran, fahaman dan amalan beragama bagi sesebuah masyarakat (Barker, 2013; Barker, 2014; Mohd Amin, 2013).

Manakala, berdasarkan kepada pengalaman di Malaysia, terdapat beberapa terma dan istilah lain yang mempunyai maksud sama iaitu merujuk kepada suatu ajaran dan fahaman yang sesat dan bercanggah dengan Islam seperti ajaran karut, ajaran salah, pencemaran akidah, penyelewengan akidah dan bermacam-macam lagi. Pada dasarnya, Malaysia telah menjadikan Islam sebagai Agama Persekutuan seperti yang termaktub di dalam Artikel 3 (1), tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Kesucian dan martabat agama Islam dipertahankan dan dipelihara daripada menerima mana-mana pengaruh agama ataupun doktrin lain selari dengan peruntukan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan. Selanjutnya, dalam suasana menangani kemajmukan masyarakat, Malaysia mengamalkan konsep kebebasan beragama berdasarkan kepada Artikel 11 (1) tetapi Kerajaan Negeri atau Persekutuan, melalui peruntukan Fasal (4), mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi menghalang para penganut agama bukan Islam menyampaikan sebarang ajaran dan fahaman mereka terhadap umat Islam. Perkara Fasal (4) ini amat mustahak supaya keluhuran dan kemurnian agama Islam dapat dipertahankan di negara ini yang mengamalkan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah (ASWJ) dan bermazhab Fiqh Syafe'i. Kepercayaan ini sudah lama diamalkan di Malaysia hasil daripada kedatangan awal para pedagang dan pendakwah yang datang ke Alam Melayu Nusantara yang membawa akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah dan Fiqh Mazhab Asy-Syafe'i (Arnold, 2012: 363-369; Majul, 1964). Kepercayaan ini jugalah yang telah berjaya menangani pengaruh gelombang gerakan reformasi Timur Tengah Syeikh Muhammad 'Abduh (1849-1905) dan Sayyid Rasyid Rida (1865-1935) pada kurun ke-19. Melalui usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai salah satu badan bertanggungjawab memelihara akidah dan amalan umat Islam di Malaysia, berpaksikan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 bertarikh 24 dan 25 September 1984, pegangan ASWJ akan sentiasa diperjuangkan bagi memastikan kelangsungan suasana negara yang aman dan harmoni. (Mas'od, 2013; Engku Alwi, 2010, 2015; Mohd Amin, 2013; Badhrulhisham, 2015).

Bertitik-tolak daripada perbincangan di atas, kerangka definisi dan pemahaman ajaran sesat di Malaysia sudah sewajarnya bertunjangkan kepada asas pegangan akidah agama Islam dan jika didapati wujud sebarang ajaran atau amalan yang berlawanan dengan Islam, maka ia termasuk dalam kategori ajaran sesat (Ibrahim, 1994). Dalam pada itu, kerajaan telah menyatakan dengan jelas bahawa ajaran Islam yang luhur sudah semestinya bersumberkan kepada Al-Qur'an, Hadith dan pegangan Ahlus Sunnah wal Jama'ah seperti yang telah diperjelaskan oleh Engku Alwi (2010) tentang takrif ajaran sesat di negara ini:

“sebarang ajaran dan amalan yang diasaskan dan didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab Abl al-Sunnah wa al-Jama’ah” (blm. 6).

Dengan demikian juga, JAKIM yang berfungsi sebagai mata dan telinga kerajaan dalam mengurus-tadbir hal-hal yang berkaitan dengan Islam telah mengambil inisiatif penting memberikan piawaian pengertian khusus tentang apa yang dimaksudkan dengan ajaran sesat iaitu:

“sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran ahli Sunnah wal Jamaah” (Mohd Amin, 2013).

Jika diteliti tentang huraian definisi dan konsep ajaran sesat di Malaysia seperti yang telah dijelaskan, maka wujud tiga elemen utama. Elemen pertama ialah berkenaan dengan pihak penyebar ajaran ataupun fahaman sama ada individu atau organisasi Islam dan bukan Islam. Elemen kedua berkaitan dengan intipati dan metod penyampaian ajaran tersebut contohnya melalui bahan penulisan yang dikenalpasti berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenar, terutamanya jika menyentuh soal akidah, maka akan disenaraikan sebagai sesat dan menyimpang. Elemen ketiga pula ialah menjadikan isi kandungan Al-Quran, Hadith dan aliran tauhid ASWJ sebagai asas ilmu pengetahuan Islam yang sahih dan pada masa yang sama bertindak sebagai pintu pemisah dari sebarang pengaruh ajaran atau amalan yang tidak selari dengan agama Islam.

Selanjutnya, untuk menjelaskan intipati utama perbincangan artikel ini iaitu berkenaan dengan dasar dan inisiatif pentadbiran hal-ehwal Islam Negeri Sabah bagi mengawal penyebaran ajaran sesat, maka makna dan pengertian ajaran sesat yang digunakan ialah berasaskan kepada Warta Majlis Fatwa Negeri Sabah di bawah Enakmen Jenayah Syariah 1992 dan Enakmen Fatwa 2004 pindaan Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (Enakmen Fatwa Negeri Sabah, 2004; Pejabat Mufti Negeri Sabah, 2016). Warta Negeri ini juga selari dengan Fasal Perlembagaan yang menyerahkan kuasa governan dan undang-undang berkaitan dengan agama Islam kepada sistem pentadbiran negeri-negeri di Malaysia iaitu bersumberkan kepada Fasal Perkara 3 (2) dan Fasal (5), Perkara 11, Fasal (4) dan Perkara 74 (1) (2), Jadual 9, Senarai Negeri (Mas'od, 2013; Samuri & Mohd. Awal, 2007). Berikutan dengan pernyataan warta tersebut yang secara nyata menjelaskan bahawa Majlis Fatwa Negeri Sabah akan mengambil pendirian dengan tegas terhadap mana-mana ajaran ataupun amalan yang bercanggah dengan akidah tauhid Ahlus Sunnah wal Jamaah akan dikategorikan sebagai sesat dan menyimpang. Jadual 1 di bawah akan menghuraikan dengan lebih jelas lagi berkenaan dengan warta fatwa tersebut:

Jadual 1 Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai “Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-16 Muharam 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah	
<p>1. Ahli Sunnah wa al-Jama'ah merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'an dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama' Islam muktabar. Oleh itu, umat Islam hendaklah berpegang dalam hal berkaitan dengan;</p> <p>(a) Aqidah dan Tauhid, berdasarkan hanya kepada pegangan Imam Abu Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.</p> <p>(b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan Mazhab Syafi'i di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan pandangan Imam-imam muktabar yang lain.</p> <p>(c) Tasawwuf, berdasarkan manhaj sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.</p>	<p>2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengamalkan (termasuk mempercayai, berpegang, berkeyakinan dan seumpamanya) selain daripada perkara (a), (b), dan (c) adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.</p>

*Sumber: Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai “Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah”, Warta Kerajaan Negeri Sabah, Jil. LXXII, No. 35, 7 September 2017, hlm. 1,171-1,172, <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf> (diakses pada 2 April 2019).

3.0 FENOMENA BERKEMBANGNYA AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Negara dan dunia Islam tidak pernah sunyi dengan fenomena berkembangnya ajaran sesat dan amalan yang menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Begitu jugalah negara Malaysia yang mengalami situasi yang sama berdepan dengan pelbagai ajaran, fahaman dan amalan yang tidak selari dengan syari'at Islam. Kerektor umum ajaran sesat di negara ini berkaitrapat dengan penyelewengan dan pencemaran akidah yang boleh dirumuskan sebagai mengandungi elemen-elemen syirik, tidak percaya kepada kewujudan tuhan, mendakwa sebagai tuhan, mengaku diri bersatu dengan tuhan dan para nabi, menafikan sifat kenabian dan sebagainya (Mohd Amin, 2013). Secara amnya, ajaran sesat mula bertapak di Malaysia adalah sekitar kurun ke-15 ataupun berkemungkinan telah berada lebih awal daripada kurun tersebut. Lokasi asal bagi ajaran-ajaran sesat tersebut diperlakukan datang dari rantau Timur Tengah, wilayah Indo-Pakistan dan Indonesia (Haron, 2003; Fadzil, 2011; Ismail, 2010). Manakala bentuk dan intipati kandungan ajaran sesat pula kebanyakannya bercirikan ilmu amalan tasawwuf, terutamanya *Tasawwuf Wahdat al-Wujud* dan ajaran *Batiniyah* yang dikatakan telah wujud dan diamalkan semasa pemerintahan Khalifah Abbasiyah dan kedua-duanya telah bercampur-baur dengan bermacam-macam ideologi falsafah dan doktrin agama yang lain. Pemahaman pokok ajaran Batiniyyah ialah menolak status kenabian Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang Nabi ataupun Rasul sambil menyatakan bahawa ia merupakan individu manusia biasa berbangsa Arab semata-mata. Di samping itu, perilaku para pengikut ajaran Batiniyyah ini sentiasa berubah-ubah mengikut situasi dan lokasi di mana mereka berada sama ada dengan puak Sunni atau Syi'ah. Sebagai contoh, jika mereka bersama dengan puak Syi'ah, pujian berlebih-lebihan akan diberikan kepada Saidina Ali r.a dan ahlul bait. Pada masa yang

sama juga, golongan Batiniyyah ini akan mencerca para sahabat Baginda s.a.w yang lain (Haron, 2003: 43-45).

Sementara itu, ajaran sesat yang paling awal pernah dikesan di negara ini ialah ajaran Taslim pada tahun 1872 di Kampung Seronok, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pengasas ajaran ini bernama Hj. Mohammad Syafei atau lebih dikenali dengan nama ‘Hj. Ahmad Matahari’. Seterusnya, pada kurun ke-20, beberapa ajaran sesat yang lain mula bertapak dan mempengaruhi akidah masyarakat Islam contohnya Qadiani (Ahmadiyah), Ajaran Subud dan Ajaran Martabat Tujuh, Tarikat Mufarridah, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol, Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Nordin Putih dan lain-lain lagi (Jusidin & Mohd Kusrin, 2018; Ismail, 2010; Fadzil, 2011). Pada saat ini, pihak kerajaan telah menyenaraikan sebanyak 127 ajaran yang dianggap sesat dan menyimpang termasuklah ajaran-ajaran sesat yang baru atau muncul dengan identiti yang berbeza seperti Ayah Pin, Syarikat Rufaqa Corporation atau Global Ikhwan (dikaitkan dengan bekas pertubuhan Al-Arqam), Rasul Melayu, Guru Yahu dan lain-lain lagi (Mustafa, Zainirah, et all, 2013; Ismail, 2010; Mustapha, 2012). Dalam pada itu, ciri dan karektor ajaran sesat masakini dapat dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu ajaran baru yang berkaitrapat dengan fahaman liberalisme dan ekstremisme, amalan tarekat dan kepercayaan tradisi berasaskan unsur mistik (Engku Alwi, 2010). Berdasarkan kepada ketiga-tiga bentuk tersebut, tujuh kriteria telah dijadikan sebagai piawaian asas bagi menentukan sama ada sesuatu ajaran ataupun amalan oleh sesebuah kumpulan atau individu boleh dianggap sebagai sesat ataupun tidak. Tujuh kriteria yang dinyatakan adalah seperti berikut: (Jusidin & Mohd Kusrin, 2018):

- i) Percaya kepada Rukun Iman dan ajaran akidah yang tidak selari dengan anutan Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Contohnya meyakini bahawa selain daripada Al-Quran dan Ka’abah, ada lagi kitab suci dan kiblat lain yang perlu diketahui
- ii) Berasa sangsi terhadap ajaran yang terdapat di dalam Al-Quran dan As-Sunnah
- iii) Mengakunya seseorang individu tertentu bahawa ia merupakan nabi terakhir, Nabi Isa a.s, Imam Mahdi atau lain-lain
- iv) Meyakini agar sejumlah kepercayaan agama yang ada dapat disatukan untuk berfungsi sebagai agama sejagat manusia
- v) Membuat sanjungan pemujaan yang berlebihan terhadap diri sendiri ataupun kepada ketua sesuatu kumpulan dengan menganggap dirinya atau ketuanya terjamin tempat di surga, bebas dari sebarang dosa (ma’sum), berupaya untuk melakukan penyebusan dosa seseorang, dan mempunyai kelebihan tertentu tetapi khusus kepada dirinya atau ketuanya sahaja seperti boleh memiliki banyak isteri dan tidak terhad kepada empat orang sahaja
- vi) Mengeluarkan pandangan atau membuat amalan baru yang berlawanan dengan asas akidah dan syari’at Islam. Amalan-amalan tersebut termasuklah menafikan tuntutan berjihad, Sembahyang Jumaat, berpuasa di bulan Ramadhan, melaksanakan fardhu haji dan sebagainya
- vii) Melakukan tafsiran dan huraiyan terhadap ayat-ayat suci Al-Quran dan As-Sunnah mengikut kehendak sendiri tanpa merujuk kepada sumber-sumber tulisan dan ulama tafsir yang muktabar

Oleh yang demikian, untuk mengawal daripada merebaknya ajaran sesat dalam masyarakat Islam di Malaysia, pihak kerajaan sentiasa mengukuhkan sistem perundangan Islam dan penguatkuasaan undang-undang khususnya dengan mewartakan fatwa-fatwa yang berkaitan. Umum sudah mengetahui bahawa negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia telah diperuntukkan kuasa penuh untuk mengawal-selia segala isu dan hal-ehwal yang berkaitrapat dengan Islam termasuklah juga adat-istiadat. Setiap negeri memiliki enakmen-enakmen yang khusus untuk melicinkan lagi sistem pentadbiran undang-undang Islam, Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syari’ah dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang ajaran sesat dan

menyeleweng. Bagaimanapun, untuk mewujudkan kesepakatan dan keseragaman fatwa antara Majlis Fatwa Negeri di peringkat kebangsaan, beberapa institusi dan agensi telah dibentuk seperti Majlis Fatwa Kebangsaan (bukannya mengambilalih bidangkuasa negeri tetapi lebih kepada interaksi musyawarah), Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam (JAPPIS), Panel Kajian Akidah (PKA) dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, komunikasi dan perbincangan antara negeri-negeri di rantau Asia Tenggara khasnya melalui Majlis Ulama' serantau (MABIMS) yang terdiri dari Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura juga dilaksanakan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman bagi mengawal perkembangan ajaran sesat (Mohd. Yusof, 2011; Mustapha, 2012; Jusidin & Mohd Kusrin, 2018). Mekanisme untuk membanteras ajaran sesat pula mengandungi tiga langkah: Pertama mendapatkan keterangan jelas terlebih dahulu tentang sesebuah ajaran sesat adakah ia telah difatwakan atau tidak?; Kedua menghalang daripada tersebar dalam kalangan masyarakat Islam dan melaksanakan fatwa serta undang-undang yang berkaitan; Ketiga melakukan proses pemulihan akidah terhadap bekas pengikut sesebuah ajaran sesat untuk mengembalikan mereka semula ke pangkuhan ajaran Islam yang syumul (Ismail, 2010). Pada hakikatnya, tugas dan tanggungjawab menangani ajaran sesat dan meyimpang adalah suatu perkara yang sukar dan mencabar. Akan tetapi berkat kerjasama yang padu dari pelbagai pihak yang terdiri dari Majlis Agama Negeri-Negeri, JAKIM dan agensi kerajaan ataupun bukan kerajaan, maka beberapa kejayaan membanteras ajaran dan kumpulan yang sesat ini telah dapat dicapai seperti sejumlah 75 tangkapan dibuat pada tahun 2015, 31 tangkapan tahun 2016 dan 246 tangkapan tahun 2017 (Saidah Hairan, 2017; Tuan Muhamad Adnan, 2018).

4.0 DASAR KERAJAAN NEGERI SABAH MEMBENDUNG AJARAN SESAT

Seperti yang dimaklumi, Negeri Sabah juga tidak terkecuali dari gejala perkembangan ajaran sesat (Jabilin, 2004). Atas situasi ini, Kerajaan Negeri amat prihatin dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang boleh mengawal penyebaran ajaran tersebut dalam kalangan umat Islam di negeri ini. Antara tindakan yang dilakukan ialah seperti mengukuhkan struktur dan penguatkuasaan Hukum Syarak sejak mula ia ditubuhkan pada tahun 1971 hingga sekarang. Pada masakini, Sabah memiliki 11 Enakmen Hukum Syarak dan dua daripada Enakmen tersebut adalah berkenaan dengan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah No. 03 Tahun 1995 dan Enakmen Fatwa Negeri Sabah No. 07 Tahun 2004 (Pejabat Mufti Negeri Sabah, 2016). Dengan wujudnya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dan Enakmen Fatwa Negeri Sabah, Kerajaan Negeri boleh bertindak atas lunas undang-undang yang ada untuk mengawal dan membendung sebarang penyebaran ajaran sesat. Seterusnya, terdapat lagi tujuh Seksyen daripada 13 Seksyen Kesalahan Jenayah yang ada hubungkait dengan persoalan mempertahankan kesucian akidah umat Islam. Tujuh Seksyen tersebut adalah Pemujaan Salah (Sek. 61), Mempersendakan Amalan Dalam Agama Islam (Sek. 54), Mempermudahkan Ayat Al-Quran atau Hadith (Sek. 53), Menghina Agama Islam (Sek. 55), Percubaan Murtad (Sek. 63), Takfir (Sek. 64), Ajaran atau Amalan Salah (Sek. 52) (Jusidin & Mohd. Kusrin, 2018; Ismail; 2010; Puteh et all, 2014). Untuk perbincangan lebih terperinci bagaimana pembentukan fatwa terhadap ajaran sesat di Sabah dapat berfungsi sebagai dasar dan polisi yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri akan dijelaskan dalam bahagian yang berikutnya.

4.1 Pembentukan Fatwa Yang Diwartakan Terhadap Ajaran Sesat Di Sabah

Mungkin wujud persoalan bagaimana sesuatu fatwa yang berkaitan dengan isu-isu agama Islam di Malaysia termasuklah Sabah boleh berfungsi sebagai satu polisi dan dasar bagi menangani

beberapa isu yang melibatkan keselamatan dan kesejahteraan komuniti Islam di negara ini. Untuk menjawab persoalan ini, tidak dapat tidak sistem Perlembagaan Negara dan peruntukkan perundangan setiap negeri yang berkaitrapat dengan hal-ehwal Islam mestilah dirujuk. Dengan demikian, proses pembentukan fatwa tentang agama Islam boleh dimulakan dengan Artikel 3(1) yang telah menyatakan Islam sebagai Agama Persekutuan tanpa menghalang mana-mana agama yang lain untuk diamalkan di Malaysia. Sementara itu, Artikel 11 bertindak sebagai perisai untuk menjaga kesucian agama Islam daripada sebarang pengaruh dan ancaman. Bertitik-tolak daripada ini, Fasal (4) telah mempertanggungjawabkan semua negeri di Malaysia untuk mentadbir dan menggubal sebarang peruntukkan perundangan bagi memastikan martabat dan kesucian agama Islam terpelihara di negeri masing-masing (Faruqi, 2014).

Berdasarkan kepada peruntukkan Fasal 4 tersebut (dan juga beberapa peruntukkan yang lain termasuklah Perkara 74 (1) (2), Jadual 9, Senarai Negeri), semua negeri termasuklah Sabah telah mengambil tindakan dan perancangan yang sewajarnya. Bagi Sabah, melalui Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jheains dan Pejabat Mufti Negeri, telah berjaya mewujudkan sekurang-kurangnya dua Enakmen yang mampu memikul tugas dan tanggungjawab menjaga kepentingan Islam dan para pengikutnya di negeri ini iaitu Enakmen Jenayah Syariah 1992 dan Enakmen Fatwa Negeri 2004. Selanjutnya lagi, untuk memastikan kedudukan dan taraf fatwa bukan hanya bersifat usul dan cadangan oleh Majlis Agama Negeri atau pandangan tokoh-tokoh agama semata-mata akan tetapi mencapai status polisi dan dasar yang diperakui oleh perundangan, maka kesemua fatwa tersebut telah diwartakan (*gazetted*) di bawah enakmen-enakmen sedia ada. Implikasi daripada pewartaan fatwa ini, setiap masyarakat Islam mestilah sentiasa mematuhi perundangan ini dan hukuman undang-undang akan dikenakan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan dalam Enakmen Fatwa 2004, Seksyen 9 (Fatwa Enactment, 2004):

“Section 9. A Fatwa published in the Gazette is binding.

(1) Upon its publication in the *Gazette*, a *fatwa* shall be binding on every Muslim in the State as a dictate of his religion and it shall be his religious duty to abide by and uphold the *fatwa*, unless he is permitted by Islamic Law to depart from the *fatwa* in matters of personal observance.

(2) A *fatwa* shall be recognised by all Courts in the State of all matters laid down therein.”

Dalam pada itu, pihak Mufti dan Ahli Majlis Fatwa Negeri turut mendapat hak perlindungan undang-undang yang sewajarnya sejajar dengan Enakmen Fatwa 2004, Seksyen 15 (Fatwa Enactment, 2004):

Section 15. Protection for Mufti and member of State Fatwa Council.

(1) Notwithstanding any written law to the contrary, the Mufti and any member of the State Fatwa Council shall not be liable to be summoned to any Civil or Syariah Court to give opinion or evidence relating to Islamic Law, but if in any court other than a Syariah Court, any question of Islamic Law calls for a decision that court may request the opinion of the Mufti on the question, and the Mufti may certify his opinion to the requesting court.

(2) The Mufti and any members of State Fatwa Council shall not be summoned to any Syariah and Civil Court for any *fatwa* that has been gazetted, provided that the *fatwa* was given in good faith and in accordance to the power provided for under this Enactment.

Oleh yang demikian, berasaskan kepada peruntukkan Enakmen yang ada Kerajaan Negeri, melalui Majlis Fatwa Negeri Sabah, telah mengenalpasti sekurang-kurangnya 22 ajaran sebagai sesat dan menyimpang dari landasan ajaran Islam. Dengan itu juga, Majlis Fatwa Negeri telah mewarta kesemua ajaran tersebut supaya tidak tersebar dan sentiasa berada dalam kawalan demi menjaga

keluhuran akidah umat Islam di negeri ini. Berdasarkan kepada fatwa yang telah diwartakan, 22 ajaran-sesat yang dimaksudkan ialah Kumpulan Nasrul Haq, Tariqah Hasaniah, Ajaran Tuan Haji Uyut Utun, Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim AlHaqqani, Syarikat Rufaqah Corporation Sdn Bhd (dikaitkan dengan bekas pertubuhan Al-Arqam), Buku Abuya Ashaari Muhammad Pemimpin Paling Ajaib Di Zamannya, Ajaran Qadiani, Buku Islam Hadhari Menurut Pandangan Ustaz Ashaari Muhammad, Black Metal, Ajarah Islam Jama'ah di Negeri Sabah, fahaman liberalisme dan pluralisme, Kumpulan Tal Tujuh, Gerakan Kumpulan Muhammadiyah, Wahabbiyyah dan Ittiba' Al-Sunnah di Malaysia, Buku Membela Sunnah Al-Nabawiyyah karangan Abd. Wahab Bustami, Ajaran Syiah di Sabah, Semakan Semula Fatwa Ajaran Baha'i, pengikut Kumpulan ISIS, Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim, Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah / Diri) oleh Mohd Yusof Cik Wook yang disebarluaskan oleh Haji Shaari Mohd Yusof, Ajaran Hizbut Tahrir, Laporan Kajian Buku-Buku Hairi Nonchi, Aliran dan Dakyah Wahabiah (Enakmen Fatwa 2004, 2017; Anuar, 2017). Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, setiap fatwa berkenaan dengan sesuatu ajaran sesat yang telah diwartakan akan memberikan kuasa kepada Jabatan Hal-Ehwel Agama Islam Sabah (JHEAINS) dan pihak berkuasa berkaitan untuk mengambil tindakan termasuk membuat serbuan dan tangkapan terhadap individu-individu ataupun kumpulan yang telah dikenalpasti mengamal dan menyebar sesuatu ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Jadual 2 yang berikut akan menghuraikan dengan lebih terperinci tentang perwartaan fatwa bagi kesemua ajaran sesat di Sabah:

Jadual 2 Fatwa yang Diwartakan Berkenaan Ajaran Sesat di Sabah

Bil	Nama Ajaran / Fahaman / Amalan	Keputusan Berdasarkan Enakmen Fatwa Negeri
1	Ajaran Millah Abraham@ Ibrahim	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 bertarikh 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, membincangkan perkara “Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa: <ol style="list-style-type: none">1. Bahawa fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi elemen-elemen meragukan antaranya seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(i) Membawa ajaran dan Kerajaan Baru (Millah Abraham @ Ibrahim @ Negeri Karunia Tuan Semesta Alam Nusantara);(ii) Mendakwa ada Rasul selepas Nabi Muhammad SAW;
2	Qadiani	Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 3/2006 bertarikh 13 - 14 Disember 2006 Miladiah/22 - 23 Zulkaedah 1427 Hijrah, membincangkan perkara “AJARAN QADIANI”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:(a) Ajaran Qadiani adalah ajaran sesat dan boleh membawa kepada murtad. Mana-mana orang Islam yang terlibat dengannya boleh menjadi murtad. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang dan haram melibatkan diri dengannya dan siapa yang telah terlibat hendaklah segera keluar dan bertaubat.
3	Fahaman dan Ajaran Hizbut Tahrir	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016, bertarikh 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, membincangkan perkara “Fahaman dan Ajaran Hizbut Tahrir”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

		<ol style="list-style-type: none"> 1. Fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar serta bertentangan dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. (a) Bahawa pemerintah, ahli parlimen dan para ulama' Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufur; 2. (b) Bahawa negara-negara Islam semuanya negara kafir kerana berhukum dengan sistem kufur dan haram menyertai sistem kerajaan sekarang;
4	Ajaran Syiah di Negeri Sabah	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2013 bertarikh 2-4 Disember 2013M/28 Muharram - 1 Safar 1435H, membincangkan perkara "Ajaran Syiah Di Negeri Sabah". Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.</p> <p>(b) Fahaman dan ajaran ini bercanggah dengan ajaran Islam dari sudut Aqidah, Syariah, Akhlak dan membawa kepada perpecahan umat serta boleh mengancam keselamatan Negara.</p>
5	Kumpulan Tal Tujuh	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2007 bertarikh 28-29 Mei 2007M/11-12 Jamadilawal 1428H, membincangkan perkara "Kumpulan Tal Tujuh". Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Ajaran tersebut adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.</p>
6	*Tariqah Hasaniah	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2005 bertarikh 12-14 September 2005M/8-10 Sya'ban 1426H, membincangkan perkara "Tariqah Hasaniah". Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Tariqah Hasaniah adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.</p> <p>Difatwakan sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.</p>
7	Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani	<p>Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia, Muzakarah Kali Ke-48, bertarikh 3 April 2000,</p> <p>Keputusan Muzakarah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat. 2. Semua negeri dikehendaki memfatwa dan mewartakan bahawa tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim diharamkan dan tidak boleh diamalkan oleh umat Islam kerana ia bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.
8	#Kumpulan Nasrul Haq	Merujuk kepada Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri bertarikh pada 11hb.April, 1978 bersamaan 2hb. Jamadil Awal 1398 di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah menerima dan

		mengkaji laporan Jawatankuasa Khas berkenaan Nasrul Haq. Persidangan pada hari itu telah mendapati bahawa ajaran Nasrul Haq adalah bukan daripada ajaran Islam . Bagi tindakan selanjutnya adalah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri, kerana tugas agama adalah di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing.
9	Fahaman Liberalism dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam”	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2006 bertarikh 27-28 Jun 2006M/1-2 Jamadilakhir 1427H, membincangkan perkara “Fahaman Liberalisme Dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa: (c) Kedua-dua aliran pemikiran dan fahaman ini adalah sesat dan menyesatkan serta boleh membawa seseorang itu terkeluar dari agama Islam.
10	Semakan Semula Fatwa Ajaran Bahá’í	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2015 bertarikh 28-30 Julai 2015M/15-17 Jamadilakhir 1435H, membincangkan perkara “Semakan Semula Fatwa Ajaran Bahá’í”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa: Ajaran Bahá’í adalah bukan ajaran Islam. Umat Islam yang terlibat dengannya adalah murtad. Oleh itu umat Islam adalah dilarang dan haram melibatkan diri dengannya dan siapa yang telah terlibat hendaklah segera keluar dan bertaubat. Oleh itu, fatwa yang telah diwartakan pada 11 Disember 2003 Bil. Rujukan No. 1,037 (No. JPBN: 308/6) adalah dibatalkan.
11	“Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS / pengikut Kumpulan ISIS”	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2015 bertarikh 27-29 Oktober 2015M/14-16 Muharam 1437H, membincangkan perkara “Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa: 1. Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak. 2. Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS dan ISIL ini.
12	^Ajaran Tuan Haji Uyut Utun	Di bawah Undang-Undang Kecil (2)(3) seksyen II enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 15/77. Majlis mengesahkan satu keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Undang-Undang (Fatwa) ke atas ajaran sesat yang telah disampaikan oleh TUAN HAJI UYUT BIN UTUN adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan mengamalkannya sesat dan diharam ke atas kaum muslimin dan muslimat belajar, dan mengajar serta mengamalkan ajaran yang tersebut.
13	Ajaran Islam Jama'ah Di Negeri Sabah	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2006 bertarikh 27-28 Jun 2006M/1-2 Jamadilakhir 1427H, membincangkan perkara “Ajaran Islam Jama'ah Di Negeri Sabah”. Muzakarah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

		(a) Ajaran Islam Jama'ah adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya.
14	Black Metal	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2006 bertarikh 14-16 Februari 2006M/15-17 Muharram 1427H, membincangkan perkara “Black Metal” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>Kumpulan Black Metal adalah sesat dan boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.</p>
15	Dakyah Wahabiah	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2016 bertarikh 10-11 Ogos 2016M/7-8 Zulkaedah 1437H, membincangkan perkara “Aliran Dan Dakyah Wahabiah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Percanggahan tersebut berasaskan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahabiah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20; (b) Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan tawassul, tabarruk dan istighathah dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat Syifa dan Selawat Tafrijiyah; (c) Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah; (d) Membid'ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat khilafiyah sebagai melakukan bid'ah dalalah dan pengamalnya akan menjadi penghuni neraka; (e) Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah SAW sebagai perbuatan syirik; (f) Menolak sepenuhnya beramal dengan hadis daif; (g) Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran; (h) Menolak fahaman bermazhab; (i) Menolak kefahaman dan amalan tarikat tasawuf yang muktabar; (j) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka; (k) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama; (l) Berpegang dengan fahaman tashbih dan tajsim berdasarkan zahir ayat dan hadis yang mutashabihat; dan (m) Mudah mengkafirkan, membid'ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sealiran dengan mereka; <p>Oleh yang demikian, Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil keputusan bahawa;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan berfahaman Wahabiah yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
16	Pengharaman Buku “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ustaz Ashaari Muhammad”	Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2005 bertarikh 12-14 September 2005M/8-10 Sya'ban 1426H, membincangkan pengharaman buku “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ustaz Haji Ashaari

		<p>Muhammad” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Buku yang bertajuk “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ust. Haji Ashaari Muhammad” adalah mengandungi perkara-perkara yang menyalahi fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan fakta-fakta Syarak serta mengelirukan masyarakat Islam oleh itu adalah diharamkan.</p>
17	Gerakan Kumpulan Muhammadiyah, Wahabiyah dan Ittiba’ Al Sunnah di Malaysia	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2009 bertarikh 13-14 Mei 2009M/18-19 Jamadilawal 1430H, membincangkan perkara “Gerakan Kumpulan Muhammadiyyah, Wahabiyah Dan Itba’ Al-Sunnah Di Malaysia” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Ajaran Muhammadiyyah, Wahabiyah dan Itba’ al-Sunnah adalah bertentangan dengan maslahat dakwah dan dasar kerajaan yang boleh memecahbelahkan perpaduan di kalangan umat Islam di Malaysia.</p>
18	Buku Bertajuk Membela Sunnah Nabawiyah Karangan Abd. Wahab Bustami	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2009 bertarikh 13-14 Mei 2009M/18-19 Jamadilawal 1430H, membincangkan Buku Bertajuk “Membela Sunnah Nabawiyah Karangan Abd Wahab Bustami” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>(a) Kandungan buku ini tidak sesuai dibaca oleh masyarakat awam kerana mengandungi perkara-perkara yang berbentuk khilafiah mazhabiah yang mungkin boleh mengelirukan masyarakat Islam di Malaysia.</p>
19	Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah / Diri)	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 bertarikh 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, membincangkan perkara “Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/ Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof adalah sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.
20	Syarikat Rufaqah Corporation Sdn Bhd	<p>Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 3/2006 telah bersidang pada 13 Disember 2006 Miladiah/22 Zulkaedah 1427 Hijrah, bagi membincangkan mengenai perkara “Usaha-usaha menghidupkan semula Al-Arqam melalui Syarikat Rufaqah Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <p>Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh ahli jemaah Syarikat Rufaqah Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.</p>
21	Buku Abuya Ashaari Muhammad Pemimpin Paling Ajaib Di Zamannya	<p>Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 3/2006 bertarikh 13 - 14 Disember 2006 Miladiah/22 - 23 Zulkaedah 1427 Hijrah, membincangkan perkara “Buku Abuya Ashaari Muhammad - Pemimpin Paling Ajaib di Zamannya” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p>

		(a) Buku “Abuya Ashaari Muhammad - Pemimpin Paling Ajaib di Zamannya” adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam oleh itu adalah diharamkan.
22	Laporan Kajian Buku-Buku Hairi Nonchi	<p>Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 bertarikh 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, membincangkan perkara “Laporan Kajian Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muzakarah telah membincangkan Laporan Kajian Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Aina Allah? Di mana Allah? (Edisi Asal) (ii) Salahkah Aku Menetapkan Sifat Allah Tanpa Tashbih (iii) Orang Kata W ahabi Ialah (iv) Marilah Berzikir Selepas Solat Fardhu Bersama Rasulullah (v) Syirik Dosa Pembatal Akidah & Amalan (vi) Ibn Taimiyah: Pencetus Akidah Tasybih & Tajsim? (vii) Siapakah Pengikut Imam a-Syafi'e Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar? (viii) Menyingkap 61 Fakta Mengenai Wahabi (ix) Katakan Tidak Pada Wahabi (x) Mendulang Cinta Ilahi Dengan Ittiba' al-Rasul (xi) Amal Soleh: Cukupkah Sekadar Niat? 2. Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi yang tersebut di atas adalah mengandungi ajaran- ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah serta mengelirukan masyarakat Islam. Oleh itu buku-buku berkenaan adalah diharamkan.

Sumber: Warta Kerajaan, No. 35, Jil. LXXII, Enakmen Fatwa 2004 (Enakmen No. 7 2004), 7 September 2017 hlm. 1,162, <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf>; Warta Kerajaan, No. 35, Jil. LXII, Enakmen Fatwa 2004 (Enakmen No. 7 2004), 13 September 2007

<https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/001942.pdf>;

*E-Sumber Maklumat Fatwa, Ajaran Tuan Haji Uuy Utun, Negeri Sabah, 1982, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11386>;

#Jabatan Mufti Negeri Selangor, Fatwa Tentang Tarikat Al-Hasaniah, <http://www.muftiselangor.gov.my/klasifikasi-fatwa/akidah/85-fatwa/akidah/55-fatwa-tentang-tarikat-al-hasaniah>; JAKIM, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia, Muzakarah Kali Ke-48, 3 April 2000,

https://jundi75.files.wordpress.com/2018/05/keputusan_muzakarah_2009_final.pdf;

^Penyata Rasmii Parlimen 1978, Jil IV, Bil. 7, 25 April 1978, Nasrul Haq (29), www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/dn-25041978.pdf.

Sehingga kini, kesemua ajaran yang telah diberikan status sebagai sesat dan menyimpang belum ada yang mencabar keputusan Majlis Fatwa Negeri dengan membawa kes mereka ke Mahkamah Syariah melainkan ada beberapa kes sahaja (Abdul Razak Jamil, Temubual, 2018; Ahadin Arinen, Temubual, 2018) ataupun melakukan protes secara terang-terangan terkecuali apa yang telah dibuat oleh Kumpulan Jema'ah Ahmadiyyah dan Hizbut Tahrir. Para pemimpin dan pengikut kedua-dua kumpulan ini telah mempertikaikan dasar dan langkah Kerajaan Negeri yang mengkategorikan ajaran dan amalan agama mereka sebagai sesat dan bertentangan dengan Islam. Mereka mendesak agar satu sesi dialog dan perbincangan diadakan dengan pihak berkuasa agama Negeri Sabah. Selain daripada itu, kumpulan Hizbut Tahrir turut membuat demonstrasi kecil di persekitaran Pejabat Mufti Negeri Sabah untuk menuntut agar mereka diberikan peluang bersemuka dengan pihak Mufti. Akan tetapi, desakan pihak Hizbut Tahrir ini tidak memberikan sebarang implikasi terhadap kedudukan fatwa yang telah diwarta oleh Majlis Fatwa Negeri (Mufti Negeri Sabah, Temubual, 2018; Abidin, Temubual, 2018; Yusa, 2017; Mad Desa, 2017). Sementara

itu, pihak berkuasa agama iaitu Jheains dan beberapa agensi penguatkuasa yang lain telah berhasil membuat sejumlah tangkapan termasuklah penangkapan seramai lapan orang ahli kumpulan Milah Ibrahim pada tahun 2017 dan mereka telah dihantar pulang ke Kuala Lumpur untuk proses perundangan seterusnya (Ashraf, 2017). Pada dasarnya bagi mengawal secara berterusan perkembangan ajaran sesat, pihak Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan mekanisme pengawalan dan tidak hanya bergantung kepada kaedah tangkapan semata-mata. Antara mekanisme lain termasuklah usaha memulihkan akidah bekas ahli kumpulan ajaran sesat di pusat-pusat pemulihan akidah yang diwujudkan di Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah. Selanjutnya, Jheains juga akan melakukan operasi pengawasan dari masa ke semasa terhadap semua kegiatan agama di negeri ini. Setiap penceramah atau pendakwah pula perlu mendapatkan keizinan dan sijil tauliah dari pihak Jheains sebelum melaksanakan program-program berunsurkan agama seperti ceramah, kursus kaunseling agama dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, untuk memperkuuh pegngunaan ilmu tentang ajaran Islam, pihak Jheains bersama dengan agensi agama yang lain telah memperbanyakkan lagi aktiviti da'wah dan program keagamaan bagi memastikan kesucian pegangan akidah masyarakat Islam di Sabah terus terpelihara.

5.0 KESIMPULAN

Senario berkembangnya ajaran sesat dan menyeleweng dari landasan Islam adalah sesuatu gejala negatif yang sedang melanda umat Islam di Malaysia termasuklah Sabah. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kumpulan masyarakat dan negara mempunyai pandangan dan polisi yang pelbagai dalam memahami konsep dan definisi berkenaan dengan ajaran sesat. Bagi Malaysia dan Sabah, pegangan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah telah dijadikan sebagai perisai utama dalam mempertahankan akidah umat Islam dari sebarang pengaruh ajaran, fahaman ataupun amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang syumul. Bertiik-tolak daripada situasi masakini yang memperlihatkan berkembang-suburnya sejumlah ajaran sesat dan menyimpang di Malaysia dan Sabah juga tidak terkecuali, maka menerusi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah menggerakkan segenap agensi dan institusi agama seperti Jheains, Mahkamah Syari'ah dan lain-lain lagi bagi mempertingkatkan kawalan dan serbuan terhadap mana-mana ajaran atau amalan yang dikenalpasti bertentangan dengan Islam untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Antara langkah dan inisiatif terkini yang telah dilaksanakan adalah seperti mewarta enakmen fatwa berkaitrapat dengan ajaran sesat, melakukan operasi serbuan dan tangkapan berterusan terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat sambil mempergiat aktiviti-aktiviti berunsurkan da'wah agar masyarakat Islam di Negeri di Bawah Bayu ini terhindar dari sebarang pengaruh dan gejala negatif yang boleh merosakkan akidah mereka.

Acknowledgement

Penyelidikan ini ditaja a oleh Universiti Malaysia Sabah melalui Skim Geran SBK-UMS 2017

List of Reference

- Abdul Razak Jamil, Temubual, 12 Mac 2018, Kota Kinabalu, Sabah.
- Ahadin Arinen, Temubual, 20 Februari 2018, Kota Kinabalu, Sabah
- Sahibus Samohah Ybhg. Datuk Mufti Negeri Sabah, Temubual, 18 Januari 2018, Kota Kinabalu, Sabah
- Anuar, A. (2017). 22 Ajaran Sesat Diharam, Empat Lagi Dalam Pemerhatian. Utusan Borneo. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20171018/281517931353281> (diakses pada 20 Julai 2018).

- Arnold, Thomas. (2012). The Spread of Islam: A History of Peaceful Preaching. New Delhi: Goodword Books.
- Ashraf, K. (2017). Sabah Fatwakan Ajaran Millah Abraham Menyeleweng, Haram. Free Malaysia Today. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/04/19/sabah-fatwakan-ajaran-millah-abraham-menyeleweng-haram/> (diakses pada 23 Julai 2016).
- Badhrulhisham, A. (2015). Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Pemakaianya di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Jurnal Ulwan*, 1, 128-149.
- Barker, E. (2013). New Religious Movements: Their Incidence and Significance. In Bryan Wilson. (ed). New Religious Movements: Challenge and Response. LSE Research Online. http://eprints.lse.ac.uk/11887/1/__libfile_REPOSITORY_Content_Barker%2C%20E_New%20religious%20movements_Barker_New%20religious%20movements_2013.pdf. (diakses pada 19 Julai 2018).
- Barker, E. (2014). The not-so-new Religious Movements: Changes in ‘The Cult Scene’, Over the Past Forty Years. The Finnish Society for the Study of Religion. Temenos. 50 (2), 235-256. LSE Research Online. http://eprints.lse.ac.uk/60946/1/__lse.ac.uk_storage_LIBRARY_Secondary_libfile_shared_repository_Content_Barker%2C%20E_Not-so-new%20religious%20movements_Barker_Not-so-new%20religious%20movements_2015.pdf. (diakses pada 5 Julai 2018).
- E-Smaf. (1982). Ajaran Tuan Haji Uyut Utun, Negeri Sabah. E-Sumber Maklumat Fatwa. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11386>. (diakses pada 9 September 2018).
- Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004). 2014. Portal Ordinan/Undang/Enakmen Sabah. <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/UndangBM/Sabah>. (diakses pada 23 Julai 2018).
- Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004). 2014. Portal Ordinan/Undang/Enakmen Sabah. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Eng_act_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/7f473ac2fbf22d774825718800049e8e?OpenDocument. (diakses pada 23 Julai 2018).
- Engku Alwi, E. A. Z. (2010). Ajaran Sesat di Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 3, 1-16.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2015). Heresy in Malaysia: An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Science*, 6(2), 463-469.
- Fadzil, A. (2011). Deviant Teachings in Malaysia and Their Interpretation of the Qur'an. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 1(20), 183-194.
- Faruqi, Shad Saleem. (2014). At the Crossroads. The Star, 13 Nov 2014. <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2014/11/13/at-the-crossroads/> (diakses pada 21 Julai 2019).
- Fatwa Enactment 2004. (2011). Enactment No. 7 Of 2004, Section 9. A Fatwa published in the Gazette is binding. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Eng_enactment_Ori_li_b.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a7f09325b06cce848257635000c4600?OpenDocument (diakses pada 21 Julai 2019).
- Fatwa Enactment 2004. (2011). Enactment No. 7 Of 2004, Section 15. Protection for Mufti and member of State Fatwa Council. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Eng_enactment_Ori_li.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/22a14db9bcfe9c048257635000ecc10?OpenDocument (diakses pada 21 Julai 2019).
- Hairan, Saidah. (2017). 39 Ajaran, Fahaman dan Amalan di Selangor Sesat. Harakahdaily. 7 November. <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/3747-39-ajaran-fahaman-dan-amalan-di-selangor-sesat>. (Diakses pada 21 April 2019).

- Ibrahim, A. @ H. (1990). Ajaran Sesat. Koleksi Persidangan Penyelidikan Sempena Ulang Tahun ke 20 UKM. Bangi: UKM.
- Ibrahim, A. H. (2003). Ajaran Sesat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ismail, S. Z. (2010). Menangani ajaran sesat di kalangan umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Shariah Journal*, 18(2), 247-276.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (1989). Fatwa Tentang Tarikat Al-Hasaniah. Laman Web Rasmi
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2003). <http://www.muftiselangor.gov.my/klasifikasi-fatwa/akidah/85-fatwa/akidah/55-fatwa-tentang-tarikat-al-hasaniah>. (diakses pada 9 September 2018).
- Jusidin, N. R., & Mohd. Kusrin, Z. (2018). Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di dalam Siber. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 10(1), 42-62.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia, Muzakarah Kali Ke-48. (2000). JAKIM. https://jundi75.files.wordpress.com/2018/05/keputusan_muzakarah_2009_final.pdf. (diakses pada 9 September 2018).
- Mad Desa, A. I. (2017). Hizb Serah Memorandum Bantahan Kepada MUIS. Kosmo Online. <http://www.kosmo.com.my/terkini/hizb-serah-memorandum-bantahan-kepada-muis-1.551878>. (diakses pada 12 Julai 2018).
- Mail, J. (2004). "Kajian tentang ajaran sesat di Sabah: tumpuan kajian di daerah Keningau Sabah". Tesis Tidak Terbit. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Majul, C.A. (1964). Theories on the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia. *Silliman Journal*, xi(4), 335-398.
- Mas'od, M. A. (2013). Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Amin, W. M. A. (2009). Ajaran Sesat. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Mohd. Amin, W.M. A. (2013). Ajaran-Ajaran Sesat di Malaysia. Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama (SIGMA 3). USIM, Nilai, Negeri Sembilan, 28 September.
- Mohd Yusof, F. (2011). Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia. Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Mustafa, Z., Wan Omar, M., Abu Bakar, A. Y. & Mohd Nor, A. H. (2013). Fenomena Ajaran Sesat dan Peruntukan Undang-Undang di Malaysia. Selangor: Penerbit UiTM.
- Mustapha, O. (2012). Memerangi Kumpulan Ajaran Sesat di Malaysia. Utusan Malaysia. http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120717/re_01/Memerangi-kumpulan-ajaran-sesat-di-Malaysia. (diakses pada 12 Julai 2018).
- Pejabat Mufti Negeri Sabah. (2016). Bahagian Fatwa. Portal Pejabat Mufti Negeri Sabah. <http://www.mufti.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/fatwa> (diakses pada 23 Julai 2018).
- Penyata Rasmi Parlimen Jil IV, Bil. 7. (1978). Nasrul Haq No. 29. Parlimen Penggal Yang Keempat. www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/dn-25041978.pdf (diakses pada 9 September 2018).
- Puteh, A., Mokhtar, A. I., Mohamad, A. D., Tan, N. A. M. & Ikoh, Z. (2014). Peranan Jheains (Kota Belud) Dalam Menjalankan Aktiviti Dakwah Kepada Golongan Saudara Baru: Satu Pengenalan. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi
- Samuri, M. A. A. & Mohd. Awal, N. A. (2007). Ajaran Sesat Dalam Islam: Penggunaan Undang-Undang Sivil Sebagai Satu Mekanisma Perundangan Alternatif Terhadap Pesalah. *Jurnal Undang-Undang*. 19(2): 1-24.

- Tuan Muhamad Adnan, T. B. (2018).17 Ajaran Sesat Baharu Muncul Tahun Lalu. Sinar Harian. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/17-ajaran-sesat-baharu-muncul-tahun-lalu-1.781372> (diakses pada 10 Julai 2018).
- Yusa, Z. (2017). Mufti Sabah Tolak Dialog Dengan Kumpulan Difatwakan Menyeleweng. Free Malaysia Today. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/22/mufti-sabah-tolak-dialog-dengan-kumpulan-menyeleweng/> (diakses pada 20 Julai 2018).